

ISI KANDUNGAN

Bil	Kandungan	Muka Surat
1.	Kata-kata Aluan	
2.	Latar Belakang Maahad Tahfiz	
3.	Lencana Maahad Tahfiz	
4.	Rukun Negara	
5.	Falsafah Pendidikan Kebangsaan	
6.	Misi Maahad Tahfiz	
7.	Visi Maahad Tahfiz	
8.	Ikrar Pelajar	
9.	Disiplin :- A. Definisi Disiplin B. Matlamat Disiplin C. Prinsip-prinsip Asas Disiplin	
10.	Etika Pelajar :- A. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Diri Sendiri B. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Al-Quran B. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Keluarga C. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Rakan D. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Madrasah E. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Masyarakat F. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Agama G. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Negara	
11.	Penguatkuasa Peraturan Kuasa Menghukum	
12.	PANDUAN PERATURAN MADRASAH 1. Tahfiz 2. Pakaian 3. Rambut 4. Perhimpunan 5. Kebersihan 6. Kawasan madrasah 7. Sakit 8. Kawasan yang dilarang 9. Kebersihan :- ❖ Sampah ❖ Dewan makan ❖ Kelas ❖ Tandas 10. Keselamatan :- ❖ Beratur	

<ul style="list-style-type: none"> ❖ Waktu Balik ❖ Bilik mesyuarat ❖ Bilik-bilik Khas <ol style="list-style-type: none"> 11. Pelawat 12. Tidak hadir ke madrasah dan kelas 13. Ketua Pelajar dan Pengawas 14. Waktu Sembahyang 15. Waktu Rehat 16. Latihan Kebakaran dan Kecemasan 17. Bayaran Yuran Tambahan 18. Kerosakan Harta Benda Madrasah 19. Kegiatan Luar Kelas (Aktiviti kokurikulum) 20. Kategori kesalahan 21. Kategori salahlaku 22. I'qab (hukuman) 	
--	--

KATA-KATA ALUAN PENGURUSI

Sesungguhnya kebahagiaan dan kejayaan manusia di dunia dan di akhirat ada dalam Agama yang sempurna sebagaimana yang dibawa oleh Baginda Nabi Muhammad SAW.

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah SWT, yang semestinya kita mensyukuri segala nikmat yang besar mahupun yang kecil, ucapan selawat & kesejahteraan kepada Nabi Junjungan serta keluarganya, sahabat-sahabatnya radiaAllah ajmain.

Terlebih dahulu saya mengucapkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana merealisasikan penubuhan Maahad Tahfiz Darul Uloom Islamiah ini. Pada awal penubuhan hanya satu aliran pengajian sahaja iaitu Tahfiz Banat, kemudian berkembang kepada aliran Tahfiz Banin dan aliran Alimah Banat.

Dengan bersendikan inspirasi bagi kegemilangan Islam pada mutakhir ini, saya beriltizam melahirkan insaniah yang BERJIWA TINGGI UNTUK MEMBINA, MEMBELA & MEMPERJUANGKAN AGAMA ISLAM.

PENGURUSI

MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN DARUL ULOOM ISLAMIAH

LATAR BELAKANG MADRASAH

MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN DARUL ULOOM ISLAMIAH,

DIBAWAH KELOLAAN SYARIKAT ISLAM GOLDEN STAR LOGISTIC SDN BHD, dasar perniagaan adalah perkhidmatan PENGHANTARAN & PERKAPALAN BAGANG-BARANG DAGANGAN. PADA AWAL TAHUN 2014 Maahad ini ditubuhkan bermula dengan satu aliran pengajian tahfiz Banat (Perempuan) dengan pelajar dibawah 15 orang & 2 orang guru sahaja.

Kesan dari itu Maahad Tahfiz Darul Uloom Islamiah terus mengorak langkah ke satu tingkat dengan membuka satu lagi aliran pengajian tahfiz Banin (Lelaki), di taman perumahan di sekitar Jalan Beringin Taman Rinting Masai JDT. Permintaan yang sangat memberangsangkan dari masyarakat setempat, kami telah membuka satu lagi aliran pengajian kitab dengan panggilan yang sinonim oleh masyarakat setempat Pengajian Islam & bahasa Arab iaitu kelas alimah. Sistem pengajian yang mementingkan nilai-nilai kesedaran iman, amal & taqwa.

LENCANA MAAHAD TAHFIZ



FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan kearah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al Quran dan As Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara kearah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

FALSAFAH DASAR PENDIDIKAN TAHFIZ NEGARA

Pendidikan di Madrasah Tahfiz Swasta dalam negeri Johor adalah suatu usaha berterusan bagi menyediakan suasana persekolahan yang terancang, terkawal dan sempurna untuk memupuk dan memperkembangkan kebolehan murid-murid yang berpotensi kearah kecemerlangan sebagai insan dan warganegara yang seimbang dan bertanggungjawab terhadap tuntutan agama, bangsa dan negara.

NILAI-NILAI TERAS MAAHAD TAHFIZ

- Berpegang teguh pada agama
- Berilmu
- Berfikir
- Rajin
- Berani
- Sentiasa mengejar kecemerlangan
- Berbakti
- Usaha
- Amanah

DASAR PENDIDIKAN MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN DARUL ULOOM ISLAMIAH

Suatu usaha mendidik para pelajar secara berterusan kearah melahirkan pelajar cemerlang dan berkualiti berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Usaha ini juga bertujuan melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan dunia dan akhirat, beriltizam, berwawasan, berdaya tahan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertaqwa kepada Allah, bertanggungjawab seterusnya mampu memartabatkan agama bagi kesejahteraan dan kemakmuran diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan agama.

MISI MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN

Melahirkan insaniah yang berilmu, beriman & bertaqwa

VISI MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN

- Teras Pendidikan Yang Bertunjangan Al-Quran & As-Sunnah.
- Model Insan Dengan Faktor Utama Adalah Pemikiran Minda Kelas Pertama.
- Pemangkin Kedaulatan Agama Islam Zaman-Berzaman.
- Membangun & Berpegang pada prinsip & Jati diri.
- Kurikulum & Kokurikulum yang berpaksikan kehidupan Nabi Muhammad saw & Para Sahabat r.a.

IKRAR PELAJAR

Kami pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Darul Uloom Islamiah Berjanji dan Berikrar AKAN:

MENTAATI Allah, Rasul dan Din Islam,

MEYAKINI Rukun Iman dan Beramal dengan Rukun Islam,

MEMATUHI Segala peraturan dan disiplin maahad

MENGHORMATI Segala arahan dan pimpinan murabbi

BERAZAM Menjadi insan berbudaya ilmu, beriman dan bertaqwa

BERSEDIA Menerima nasihat, teguran, didikan, bimbingan murabbi dan ibu bapa tercinta

BERUSAHA Memajukan diri untuk sentiasa proaktif dalam kurikulum dan kokurikulum maahad sepanjang masa

BERJANJI Berpegang teguh dengan Al-Quran dan As Sunnah serta istiqamah dalam mengamalkannya
AGAR Mencapai matlamat generasi Al-Quran yang cemerlang dan berwibawa.

DISIPLIN

A. DEFINISI DISIPLIN

Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan Tahun 1979 mentakrifkan disiplin sebagai :

“.....kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan sendiri. Disiplin juga bermakna kesanggupan seseorang itu bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib,

kesanggupan menghormati hak individu lain, kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu kepentingan orang lain, kesanggupan hormat menghormati di antara satu dengan lain dan mempunyai semangat tolong menolong, dan kesanggupan membaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat.”

B. MATLAMAT DISIPLIN

Disiplin akan menjadikan seorang pelajar itu sebagai manusia yang dapat memimpin diri sendiri dalam hidupnya di masa hadapan. Disiplin diri bagi setiap individu adalah mustahak dalam usaha mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang bertatasusila, bersatu-padu, demokratik, adil. Disiplin diri juga akan melahirkan individu-individu yang kreatif serta mempunyai kesedaran harga diri dalam masyarakat yang bergerak ke arah kemajuan.

C. PRINSIP-PRINSIP DISIPLIN

Disiplin di madrasah hendaklah berasaskan kepada prinsip-prinsip atau dasar berikut :

- Keadilan dan layanan sama rata.
- Pertimbangan minat dan keperluan pelajar.
- Kebebasan – tertakluk kepada undang-undang.
- Amalan menghormati seseorang individu.
- Perhubungan sihat sesama manusia untuk kehidupan berharmonis.
- Perpaduan masyarakat dan Negara.

ETIKA PELAJAR

1. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Diri Sendiri.
2. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Al-Quran.
3. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Keluarga.
4. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Rakan.
5. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Madrasah.
6. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Masyarakat.
7. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Agama.
8. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Negara.

A. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Diri Sendiri

1. Menjaga kebersihan diri termasuklah kebersihan fizikal dan mental.
2. Bersopan santun, jujur dan amanah.
3. Menghargai masa dan menepati masa.
4. Berjimat cermat.
5. Bersifat sederhana dan tidak sombong.
6. Sabar dan bertolak ansur.
7. Menghormati hak asasi orang lain.
8. Berani dan cekal hati.
9. Bersikap dedikasi .
10. Bersifat berdikari.
11. Bersifat rajin dan berusaha.

B. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Al-Quran

1. Menjadikan ulangan Al-Quran sebagai rutin harian.
2. Menjaga tajwid setiap kali membaca dan mengulang Al-Quran.
3. Berusaha untuk memahami setiap makna Al-Quran terutamanya ayat yang telah dihafal.
4. Mengamalkan isi Al-Quran dan berusaha menyampaikannya.
5. Memastikan sentiasa dalam keadaan berwuduk ketika bersama Al-Quran.

C. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Keluarga

1. Menghormati orang-orang tua dan ibu bapa.
2. Memupuk hubungan yang baik di antara keluarga.
3. Memenuhi hasrat dan cita-cita keluarga untuk menjadikannya seorang yang bermoral.
4. Menjaga nama baik madrasah.

D. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Rakan

1. Menghormati rakan.
2. Tolong menolong antara rakan.

E. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Madrasah

1. Mematuhi dan menghormati peraturan-peraturan madrasah.
2. Menghormati guru-guru.
3. Belajar dengan bersungguh-sungguh.
4. Menaikkan imej madrasah.
5. Memupuk nilai-nilai moral yang tinggi.
6. Bekerjasama di antara satu sama lain.
7. Menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan di madrasah.

F. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Masyarakat

1. Tolong menolong dan bekerjasama.
2. Menghormati orang yang lebih tua.
3. Boleh bertolak ansur.
4. Menghormati agama dan bangsa lain.
5. Bersifat sederhana dan tidak sombong.
6. Rasa kesefahaman dan sabar.
7. Melibatkan diri terhadap kerja-kerja kebajikan.
8. Bersifat kasihan terhadap sesama manusia dan bukan manusia.

G. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Agama

1. Taat kepada perintah Allah dan Rasul.
2. Mempertahankan kesucian Agama Islam.
3. Mengamalkan ajaran dalam kehidupan seharian.

H. Tanggungjawab Pelajar Terhadap Negara

1. Bersedia untuk berkhidmat dan mempertahankan Negara.
2. Mematuhi undang-undang.
3. Mengamalkan konsep Ruku Negara.
4. Menjaga kemudahan awam.
5. Menjaga dan menaikkan imej Negara.

PENGUATKUASA PERATURAN

Guru-guru dan pemimpin pelajar diberi kuasa untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan madrasah.

KUASA MENGHUKUM

Mudir, Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Guru Penolong Kanan HEM, Guru Disiplin, Warden dan guru-guru yang diberi kuasa oleh Mudir.

PANDUAN PERATURAN MADRASAH

GARIS PANDUAN PERATURAN-PERATURAN MADRASAH UNTUK PELAJAR-PELAJAR.

1. TAHFIZ

- 1.1 Pelajar mestilah menghabiskan hafalan 30 juzu' selama 3 hingga 5 tahun.
- 1.2 Pelajar mestilah menghantar *sabaq / tasmi'* (hafazan baru) setiap hari dengan guru tahfiz sekurang-kurangnya satu muka.
- 1.3 Pelajar mestilah menghantar *pra-sabaq* (ulangan hafazan baru) setiap hari dengan guru tahfiz sekurang-kurangnya 10 muka.
- 1.4 Pelajar mestilah menghantar *mukhta* (ulangan hafazan lama) setiap hari di hadapan guru tahfiz sekurang-kurangnya satu juzuk.
- 1.5 Setelah tamat 1 juzuk, pelajar mesti mengulang 1 juzuk penuh (*mukhta khatam*) di hadapan guru selewat-lewatnya dua hari.
- 1.6 Pelajar mestilah mendapat pengesahan tamat juzuk dari guru untuk menyambung hafalan ke juzuk seterusnya.
- 1.7 Pelajar wajib menghormati Al-Quran.

2. PAKAIAN

Pakaian seragam madrasah mestilah dipakai sepanjang waktu persekolahan.
Pakaian hendaklah sentiasa bersih dan kemas.

2.1 PAKAIAN SERAGAM BAGI PELAJAR

2.1.1 Jubah Rasmi

- (a) Jubah putih bersulam/berjahit nama di dada sebelah kiri.
- (b) Ukuran jubah tidak terlalu labuh dan tidak terlalu sempit.
- (c) Ukuran jubah hendaklah sesuai dengan bentuk badan.
- (d) Jubah hendaklah sentiasa kemas dan bersih dari sebarang kotoran.
- (e) Butang jubah hendaklah sentiasa dikenakan.

2.1.2 Seluar

- (a) Semua pelajar hendaklah berseluar panjang (seluar jubah).
- (b) Seluar kembang serta labuh atau seluar yang kecil kaki serta singkat atau sebarang potongan yang tidak sesuai tidak dibenarkan.

2.1.3 Lencana dan Tanda Nama

- (a) Semua pelajar dikehendaki memakai tanda nama sepanjang masa.

- (b) Lencana hendaklah dipakai dan dijahit di bahagian luar poket atau di dada sebelah kiri baju.
- (c) Lencana yang pudar atau hilang warnanya hendaklah diganti dengan segera.

2.1.4 Kopiah dan Serban

- (a) Kopiah hendaklah berwarna putih.
- (b) Serban berwarna putih dipakai / dililit oleh pelajar sepanjang hari persekolahan dan waktu solat.

2.1.5 Barang Kemas / Perhiasan

- (a) Pelajar **DILARANG** memakai apa jua barang perhiasan sepanjang waktu persekolahan.

2.2 PAKAIAN PADA WAKTU BIASA

Pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berpakaian sopan dan menutup aurat atau berbaju T-shirt yang tidak bergambar untuk mengikuti sebarang aktiviti di luar waktu belajar.

3. RAMBUT

3.1 RAMBUT PELAJAR

- (a) Rambut pelajar mestilah sentiasa pendek dengan ukuran satu (mesin potong rambut).
- (b) Rambut mestilah sentiasa disikat kemas dan tidak dibenarkan berbelah tengah.

4. PERHIMPUNAN

4.1 Perhimpunan Rasmi pagi akan diadakan pada hari Isnin setiap dua minggu mulai jam 10.30 pagi bagi pelajar lelaki, manakala perempuan pada jam 11.15 pagi.

4.2 Mesyuarat Jadual Harian dan *Ta'lim Harian* pula diadakan setiap hari selepas solat Asar.

4.3 Semua pelajar diwajibkan menghadiri perhimpunan.

4.4 Para pelajar dilarang berbual semasa perhimpunan.

5. KEBERSIHAN DIRI

5.1 Semua pelajar hendaklah menjaga kebersihan diri.

5.2 Kuku mestilah pendek dan bersih.

6. KAWASAN MAAHAD TAHFIZ

6.1 MENINGGALKAN KAWASAN MAAHAD TAHFIZ

6.1.1 Pelajar-pelajar tidak dibenarkan meninggalkan kelas pada sebarang waktu kecuali waktu kecemasan dan mendapat kebenaran guru.

6.1.2 Sewaktu pembelajaran sedang berjalan pelajar-pelajar tidak dibenarkan meninggalkan kelas walaupun ke tandas melainkan dalam keadaan terdesak dan mendapat kebenaran guru.

6.1.3 Pelajar tidak dibenarkan melakukan sebarang aktiviti luar pada waktu pembelajaran atau mengadakan mesyuarat, menjalankan kegiatan persatuan, membawa surat-surat pengumuman atau tugas-tugas lain yang tidak penting kecuali mendapat kebenaran guru.

6.1.4 Sekiranya pelajar sakit dan hendak berehat di bilik rawatan, pelajar berkenaan hendaklah mendapatkan kebenaran dari guru kelas.

6.1.5 Sekiranya pelajar hendak meninggalkan madrasah atas sebab-sebab tertentu,

pelajar hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis dari Mudir, Penolong Kanan atau Warden dengan mengisi Borang Perlepasan Pelajar. Satu salinan hendaklah kepada Guru Kelas dan satu salinan hendaklah disimpan oleh pelajar.

6.2 MEMASUKI KAWASAN MAAHAD TAHFIZ

6.2.1 Pelajar mestilah tanda tangan rekod keluar masuk setiap kali pelajar kembali ke madrasah.

6.2.2 Pelajar mestilah memaklumkan kehadiran ke madrasah kepada Warden setiap kali kembali ke madrasah.

7 SAKIT DAN PENYAKIT BERJANGKIT

7.1 Pelajar-pelajar yang sakit/cedera hendaklah segera memberitahu Guru Bertugas, Ketua Pelajar atau Pengawas.

7.2 Pelajar-pelajar yang mengidap penyakit berjangkit mesti berada di rumah sehingga sembuh.

7.3 Pelajar yang sakit di kawasan madrasah mestilah berada di bilik rawatan atau mendapat rawatan di hospital setelah mendapat kebenaran daripada pihak madrasah.

7.4 Untuk tinggal di bilik rawatan, pelajar-pelajar mestilah mendapat kebenaran dari pihak madrasah.

7.5 Warden akan menguruskan penghantaran pelajar ke hospital kerajaan jika sakit kuat.

8 KAWASAN YANG DILARANG

- A) Tempat letak kenderaan guru.
- B) Kawasan tangki septik.
- C) Bilik Guru/Pejabat/Bilik Mesyuarat.
- D) Bilik Peperiksaan.
- E) Kawasan tangki air.
- F) Kawasan dapur.
- G) Kawasan bilik Warden.
- H) Kawasan Madrasah Banat bagi lelaki.
- I) Kawasan Madrasah Banin bagi Perempuan.
- J) Kawasan Jalan Raya Utama

9 KEBERSIHAN

9.1 Tong Sampah

- 9.1.1 Semua pelajar bertanggungjawab menjaga kebersihan di madrasah dan asrama.
- 9.1.2 Tong sampah yang disediakan adalah untuk kegunaan membuang sampah sahaja.
- 9.1.3 Bagi sampah yang boleh dikitar semula, sila pastikan bahawa sampah dimasukkan di tong-tong kitar semula yang betul.

9.2 Dewan Makan Madrasah

- 9.2.1 Semua pelajar tidak dibenarkan makan atau minum di luar dari kawasan Dewan Makan.
- 9.2.2 Pelajar dilarang membuang sampah atau lebihan makanan ke dalam sinki atau parit di sekeliling Dewan Makan.
- 9.2.3 Talam, bekas makanan dan minuman hendaklah dimasukkan ke dalam tempat yang disediakan setelah selesai digunakan.

9.3 Kelas

- 9.3.1 Setiap kelas hendaklah berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur.
- 9.3.2 Papan putih, meja dan lain-lain harta benda madrasah hendaklah dijaga, tidak dirosakkan atau dikotorkan.
- 9.3.3 Setiap kelas mesti mempunyai jadual bertugas bertujuan memastikan kebersihan dan keceriaan kelas serta kawasan laluan koridor.
- 9.3.4 Segala harta benda yang berada di dalam kelas yang dirosakkan seperti meja, tingkap, langsir dan lain-lain perlu dibayar ganti rugi.

9.4 Bilik Air Dan Tandas

- 9.4.1 Semua pelajar perlu menjimatkan penggunaan air di bilik air.
- 9.4.2 Semua pelajar tidak dibenarkan bergurau atau bermain di bilik air.
- 9.4.3 Semua pelajar perlu menjaga kebersihan bilik air.

- 9.4.4 Semua pelajar perlu membersihkan tandas selepas digunakan.
- 9.4.5 Pelajar tidak dibenarkan menconteng dinding tandas.
- 9.4.6 Pelajar tidak dibenarkan memasuki satu tandas berdua.
- 9.4.7 Segala jenis sampah tidak dibenarkan dibuang ke dalam mangkuk tandas sebaliknya dibuangkan ke dalam tong yang disediakan.

9.5 Ampaian

- 9.5.1 Pelajar perlu menjemur baju dengan sempurna.
- 9.5.2 Pelajar perlu menjemur baju menggunakan penyangkut baju.
- 9.5.3 Pelajar perlulah mengangkat baju apabila kering.
- 9.5.4 Pelajar dibenarkan mencuci pakaian mengikut waktu yang ditentukan sahaja.

9.6 Asrama

- 9.6.1 Setiap asrama hendaklah berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur.
- 9.6.2 Pelajar perlulah menjaga kebersihan asrama setiap masa.
- 9.6.3 Pelajar perlulah mengamalkan penjimatan tenaga elektrik.
- 9.6.4 Pelajar tidak dibenarkan membawa tetamu/orang luar ke asrama.
- 9.6.5 Pelajar tidak dibenarkan membawa makanan basah ke dalam asrama.
- 9.6.6 Pelajar tidak dibenarkan tidur bersama (satu katil dua org).
- 9.6.7 Pelajar dilarang bermain dan menjalankan aktiviti sukan dalam asrama.
- 9.6.8 Pelajar dilarang membawa peralatan Dewan Makan ke dalam asrama.
- 9.6.9 Pelajar hendaklah memastikan katil dan almari dalam keadaan kemas dan tersusun.
- 9.6.10 Pelajar dilarang membawa, membela dan memelihara haiwan dalam asrama.
- 9.6.11 Pelajar dilarang mengganggu rakan lain dalam asrama.
- 9.6.12 Pelajar dilarang menukar tempat tidur dan tidur di katil orang lain.
- 9.6.13 Pelajar dilarang keluar masuk asrama ke bilik air tanpa memakai baju dan membuka aurat.
- 9.6.14 Pelajar dilarang menyidai pakaian yang basah di dalam asrama.

10 KESELAMATAN

10.1 Beratur

- 10.1.1 Semua pelajar mesti beratur di tapak perhimpunan setiap minggu (hari Ahad).
- 10.1.2 Pelajar dikehendaki beratur apabila berurusan di pejabat, mengambil makanan di Dewan Makan, masuk ke kelas dan mana-mana bilik khas yang lain.
- 10.1.3 Pelajar perlu berjalan dengan tertib dan teratur apabila bergerak ke mana-mana tempat.

10.2 Waktu Habis Kelas

- 10.2.1 Lima minit sebelum tamat kelas, pelajar mestilah mengemaskan, membersihkan kelas dan menutup suis lampu serta kipas selepas digunakan.
- 10.2.2 Apabila loceng dibunyikan, pelajar boleh keluar kelas dengan teratur. Pelajar hendaklah beratur di tempat yang ditetapkan dan berjalan apabila diarahkan.

10.2.3 Semua pelajar hendaklah mengikut arahan pengawas yang mengawal laluan.

10.3 Bilik Mesyuarat

10.3.1 Pelajar dilarang masuk ke bilik mesyuarat tanpa kebenaran / kehadiran guru berkenaan.

10.3.2 Dilarang menyentuh atau mengambil barang-barang dan alat-alat yang terdapat di bilik mesyuarat tanpa kebenaran atau arahan guru berkenaan.

10.3.3 Pelajar dilarang membawa keluar sebarang peralatan dari bilik mesyuarat.

10.4 Bilik-bilik khas

10.4.1 Pelajar dilarang masuk ke mana-mana bilik khas seperti bilik P.A. System surau, stor, bilik rehat guru dan makmal komputer tanpa kebenaran / kehadiran guru berkenaan.

10.4.2 Pelajar dilarang menyentuh atau mengambil apa-apa bahan dan alatan yang terdapat di bilik berkenaan tanpa kebenaran atau arahan guru.

10.4.3 Sekiranya berlaku apa-apa kecemasan, pelajar hendaklah mengikut arahan guru berkenaan.

11 PELAWAT

11.1 Ibu bapa atau penjaga hanya dibenarkan berjumpa anak mereka pada waktu hujung minggu sahaja.

11.2 Pada waktu belajar tiada pelawat dibenarkan berjumpa dengan pelajar.

11.3 Pihak madrasah berhak melarang mana-mana pelawat untuk berjumpa dengan pelajar tanpa memberi sebarang penjelasan.

11.4 Pada hari persekolahan ibu bapa atau penjaga tidak dibenarkan berjumpa dengan anak mereka kecuali jika keadaan mendesak setelah mendapat kebenaran dari pihak madrasah terlebih dahulu.

11.5 Pelawat mestilah mematuhi papan arahan yang disediakan.

12 TIDAK HADIR KE MAAHAD TAHFIZ DAN KELAS

12.1 Pelajar yang tidak hadir mestilah memberi surat doktor atau surat dari ibu bapa/penjaga dengan tanda tangan yang sah untuk tempoh masa pelajar itu tidak hadir.

12.2 Surat amaran pertama dihantar kepada ibu bapa sekiranya pelajar tidak hadir pada hari ketiga untuk pelajar yang tidak hadir ke madrasah secara berturut-turut atau hari ketujuh sekiranya ketidakhadiran adalah secara tidak berturut-turut.

12.3 Surat amaran kedua akan dihantar kepada ibubapa penjaga sekiranya pelajar tidak hadir 7 hari berturut-turut atau sebanyak 10 hari secara tidak berturut-turut.

12.4 Surat amaran terakhir akan dihantar kepada ibu bapa penjaga sekiranya tiada komunikasi selepas tiga hari daripada surat amaran kedua dihantar bagi pelajar yang tidak hadir secara 7 hari berturut-turut atau 10 hari bagi ketidakhadiran secara tidak berturut-turut.

12.5 Tindakan buang madrasah boleh diambil selepas 1 minggu surat amaran terakhir dihantar bagi ketidakhadiran secara berturut-turut atau 10 hari bagi ketidakhadiran secara tidak berturut-turut.

12.6 Pelajar tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan atau keluar dari kawasan madrasah dalam waktu belajar kecuali dengan kebenaran khas dari Mudir, Penolong kanan atau Warden. Kebenaran bertulis hendaklah diperolehi.

13 KETUA PELAJAR DAN PEMIMPIN PELAJAR

13.1 Perlantikan dan pemilihan Pemimpin Pelajar akan dibuat oleh Mudir dengan kerjasama guru-guru.

13.2 Seorang pengawas biasanya akan memegang jawatannya berterusan tetapi Mudir dan guru-guru boleh menyingkirkan seseorang itu dari Badan Pemimpin Pelajar sekiranya perlu.

13.3 Mudir ada kuasa membuat pindaan dalam perlembagaan itu.

13.4 Sifat-sifat Kelayakan :

13.4.1 Untuk dilantik sebagai seorang pemimpin pelajar, seorang pelajar hendaklah mempunyai perangai dan kelakuan yang elok di samping prestasi tahfiz yang baik dan mengambil bahagian yang cergas dalam kegiatan madrasah.

13.5.2 Lain-lain kelayakan :

13.5.2.1 Bertanggungjawab dengan sepenuhnya

13.5.2.2 Berwibawa dan bekerjasama

13.5.2.3 Rajin dan berusaha, sedia memberi perkhidmatan

13.5.2.4 Jujur dan beretika

13.5.2.5 Menepati masa

13.6 Tugas-tugas pemimpin pelajar

(a) Mereka hendaklah membantu Jawatankuasa tatatertib madrasah untuk mengekalkan suasana yang baik semasa perhimpunan, semasa belajar, semasa rehat, di asrama, di dewan makan dan setiap masa serta menentukan peraturan-peraturan madrasah dipatuhi.

(b) Mereka hendaklah mengawasi semua harta benda madrasah di semua kawasan madrasah. Mereka juga mesti menolong pihak madrasah menjaga kebersihan kelas, asrama, dewan makan dan seluruh kawasan madrasah.

(c) Pengawas-pengawas mestilah menjalankan tugas-tugas mereka semasa perhimpunan madrasah, masa bersurai madrasah, waktu solat dan upacara madrasah. Ketua pengawas akan menyediakan giliran tugas pengawas. Pengawas-pengawas yang berulang kali kurang bertanggungjawab akan diberi amaran.

(d) Semasa menjalankan tugas, pengawas-pengawas patut bersikap tegas tetapi bersopan santun dengan pelajar-pelajar. Mereka tidak boleh berkelakuan kasar. Mereka hendaklah menjaga

keharmonian pelajar. Sekiranya ada pelajar melanggar peraturan, dia hendaklah diberi dua amaran. Pada amaran ketiga, pelajar itu mesti dilaporkan kepada guru Lembaga Disiplin.

14 WAKTU SOLAT

- ❖ Semua pelajar wajib untuk solat berjemaah pada setiap waktu solat.
- ❖ Semua pelajar wajib untuk solat berjemaah di surau.
- ❖ Tindakan disiplin akan diambil kepada pelajar yang tidak solat berjemaah atau solat masbuq.

15 WAKTU REHAT

Waktu rehat adalah mengikut jadual waktu madrasah yang ditetapkan.

16 LATIHAN KEBAKARAN DAN KECEMASAN

- (a) Apabila loceng isyarat dibunyikan, pelajar-pelajar mesti berbaris di luar kelas dan luar asrama.
- (b) Pelajar-pelajar mestilah bergerak secara senyap, tidak terburu-buru atau berlari dan tanpa cuba berlumba-lumba antara satu sama lain
- (c) Di tempat berkumpul, guru-guru hendaklah berada bersama barisan pelajar-pelajar. Dengan menggunakan daftar kedatangan pastikan setiap pelajar berada di situ.
- (d) Guru hendaklah melaporkan dengan serta-merta kepada Mudir jika ada sesiapa yang diketahui tidak ada di situ dan hendaklah mencari pelajar itu dengan segera.
- (e) Tidak seorang pun dibenarkan memasuki bangunan semula untuk mengambil barang-barang seperti buku, baju dan lain-lain.
- (f) Sekiranya ada sesiapa yang tidak berada di kelas atau asrama semasa loceng isyarat berbunyi hendaklah mereka pergi terus ke tempat berkumpul yang telah ditetapkan. Mereka dikehendaki melaporkan diri kepada guru dan berada bersama-sama rakan-rakan yang lain.

17 BAYARAN TAMBAHAN

Bayaran tambahan adalah berdasarkan pakej yang ditetapkan oleh madrasah.

18 KEROSAKAN HARTA BENDA MAAHAD TAHFIZ

Pelajar-pelajar mestilah bersama-sama menjaga dengan baik semua harta benda madrasah semasa berada di madrasah seperti :

- (a) Dilarang menconteng/mengukir kerusi atau meja.
- (b) Dilarang menconteng/melukis di dinding bangunan madrasah.
- (c) Buku yang dipinjam dari perpustakaan hendaklah dijaga dengan baik.
- (d) Tandas hendaklah digunakan dengan betul.
- (e) Cermin tingkap jangan dipecahkan.
- (f) Kipas dan alatan elektrik hendaklah digunakan dengan baik dan tidak membazir.

19 KEGIATAN LUAR KELAS (AKTIVITI KOKURIKULUM)

19.1 Setiap pelajar diwajibkan menyertai :

- (a) Satu pasukan beruniform
- (b) Satu persatuan / kelab atau lebih
- (c) Satu kegiatan sukan / permainan atau lebih.

19.2 Seseorang pelajar dibenarkan memegang sebanyak-banyaknya 2 jawatan tertinggi sahaja untuk kesemua persatuan / kelab madrasah yang dianggotai.

19.3 Pelajar tidak dibenarkan untuk turut serta dalam kegiatan luar madrasah yang bukan dianjurkan oleh madrasah.

19.4 Kebenaran bertulis mestilah diperolehi terlebih dahulu daripada Mudir sekiranya pelajar ingin atau dikehendaki mengambil bahagian di dalam kegiatan luar atau pertubuhan luar, persatuan, permainan dan lain-lain yang dianjurkan madrasah atau Jabatan Pendidikan.

19.5 Pelajar **DILARANG KERAS** memasuki sebarang pertubuhan haram atau kongsi gelap.

20 KATEGORI KESALAHAN

20.1 KESALAHAN RINGAN

20.1.1 Berambut panjang atau menyimpan rambut yang menyerupai kumpulan tertentu.

20.1.2 Bermain dalam kelas, koridor atau kawasan yang dilarang.

20.1.3 Menggunakan atau membawa keluar sebarang peralatan kelas dari madrasah tanpa kebenaran.

20.1.4 Keluar dari kelas tanpa kebenaran Mudir, atau Guru-guru Penolong Kanan atau guru yang bertugas di dalam kelas pada ketika itu.

20.1.5 Berada di dewan makan pada waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P) tanpa kebenaran.

20.1.6 Menyimpan atau menggunakan peralatan permainan kepunyaan madrasah tanpa kebenaran.

20.1.7 Menggunakan alat hiburan atau elektronik madrasah tanpa kebenaran Mudir atau wakilnya.

20.1.8 Memasuki bilik mesyuarat / bilik khas / stor tanpa kebenaran atau tidak mematuhi peraturan bilik mesyuarat / bilik khas / stor.

20.1.9 Makan dan minum di dalam kelas.

20.1.10 Melakukan pembaziran air atau elektrik.

20.1.11 Tidak memakai pakaian madrasah yang lengkap atau tidak memakai pakaian madrasah dengan kemas.

20.1.12 Semua kesalahan yang bersabit dengan pembelajaran (tidak membawa buku, tidak membuat kerja rumah, tidak memberi perhatian, tidur dalam kelas dan lain-lain).

20.1.13 Lewat ke kelas.

20.1.14 Lewat bergerak ke perhimpunan / surau / bilik mesyuarat.

- 20.1.15 Bising dalam kelas sehingga mengganggu kelas lain.
- 20.1.16 Menunggang atau memandu kenderaan dalam kawasan madrasah.
- 20.1.17 Berjalan-jalan dalam kawasan madrasah waktu persekolahan.
- 20.1.18 Tidak membuat tugas yang diarahkan.
- 20.1.19 Mengganggu kawan.
- 20.1.20 Mengganggu guru.
- 20.1.21 Mengotorkan kelas.
- 20.1.22 Tidak duduk setempat.
- 20.1.23 Berada dalam kawasan larangan.
- 20.1.24 Pergi ke tandas pada waktu pengajaran dan pembelajaran (P & P) tanpa kebenaran.
- 20.1.25 Tidak beratur semasa mengambil makanan di dewan makan.
- 20.1.26 Membuang sampah merata-rata.
- 20.1.27 Meludah atau membuang barang-barang merata-rata.
- 20.1.28 Mengguna atau menyimpan sebarang alatan orang lain tanpa kebenaran.
- 20.1.29 Menjalankan perniagaan sendiri atau menjadi agen perniagaan tanpa kebenaran pihak madrasah.
- 20.1.30 Memakai cermin mata berfesyen.
- 20.1.31 Tidak menghantar *sabaq / pra sabaq / mukhta*.
- 20.1.32 Kesalahan lain yang ditentukan oleh Mudir.

20.2 KESALAHAN SEDERHANA

- 20.2.1 Melakukan mana-mana kesalahan ringan melebihi tiga kali.
- 20.2.2 Penyalahgunaan / menggunakan peralatan / sumber bekalan elektrik madrasah tanpa kebenaran.
- 20.2.3 Keluar dari kawasan madrasah tanpa kebenaran.
- 20.2.4 Tiga amaran, menipu, berbohong dan meniru ketika ujian / peperiksaan.
- 20.2.5 Ponteng sebarang acara rasmi madrasah.
- 20.2.6 Tidak menghormati lagu-lagu / bendera / jata madrasah, negeri dan kebangsaan.
- 20.2.7 Fesyen rambut yang keterlaluan, seperti *punk / skin head* atau bewarna.
- 20.2.8 Menconteng pada harta benda madrasah.
- 20.2.9 Gagal solat berjemaah dan solat masbuq.
- 20.2.10 Membawa telefon bimbit, MP3 dan alatan elektronik yang lain.
- 20.2.11 Kesalahan lain yang difikirkan termasuk dalam kategori ini oleh Jawatankuasa Disiplin Madrasah.

20.3 KESALAHAN BERAT

- 20.3.1 Melakukan mana-mana kesalahan sederhana kali ketiga
- 20.3.2 Membawa, meminum, menyimpan atau mengedar minuman keras atau sebarang benda yang memabukkan / menghayalkan.
- 20.3.3 Membawa, menyimpan, menghisap atau mengedar bahan tembakau.
- 20.3.4 Menyebabkan / melakukan pergaduhan atau kekerasan.
- 20.3.5 Melawan, mengancam, memukul atau mengugut / mencederakan guru / pengawas / pelajar.
- 20.3.6 Biadap terhadap guru / pengawas / pelajar.

- 20.3.7 Memeras ugut guru / pengawas / pelajar.
- 20.3.8 Membawa / menggunakan senjata atau alat berbahaya.
- 20.3.9 Melakukan buli, penderaan atau paksaan terhadap pelajar lain.
- 20.3.10 Mencuri, merompak, memecah masuk dan mencero boh kawasan larangan.
- 20.3.11 Melakukan perjudian atau membabitkan diri dalam pertaruhan.
- 20.3.12 Mencetak, menerbit, mempamer, mengedar atau menyimpan rencana, majalah atau pita dan multimedia yang terlarang.
- 20.3.13 Membabitkan diri dalam kumpulan haram.
- 20.3.14 Merosakkan harta benda madrasah / guru / pelajar.
- 20.3.15 Membawa atau menggunakan bahan letupan.
- 20.3.16 Membabitkan diri dalam tunjuk perasaan, perhimpunan haram atau merusuh.
- 20.3.17 Menyalahgunakan alat permainan, elektronik atau bahan-bahan multimedia.
- 20.3.18 Membawa atau menggunakan alat yang menyebabkan kecederaan atau mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran / ujian.
- 20.3.19 Menganjur atau membabitkan diri dalam acara kebudayaan yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam.
- 20.3.20 Menganjur atau membabitkan diri dalam acara kebudayaan tanpa kebenaran pihak madrasah, PPD, JPNJ dan Kementerian Pelajaran.
- 20.3.21 Melakukan ponteng madrasah berterusan (berturut-turut) selama 30 hari atau berkala (tidak berturut-turut) selama 60 hari / selama 1 tahun sesi persekolahan.
- 20.3.22 Mengganggu / menjejaskan kuasa Guru Besar / Mudir atau guru yang menjalankan tugas.
- 20.3.23 Membawa masuk tetamu dari luar ke kawasan asrama tanpa kebenaran Mudir atau wakilnya.
- 20.3.24 Tidak menjaga aurat serta berpakaian kurang sopan.
- 20.3.25 Mengeluarkan kata-kata lucah dan kesat.
- 20.3.26 Melakukan hubungan yang dicurigai.
- 20.3.27 Kesalahan-kesalahan lain yang difikirkan termasuk dalam kategori ini oleh Jawatankuasa Disiplin Madrasah .

21 KATEGORI SALAHLAKU

Jenis-jenis salahlaku yang berlaku di madrasah adalah banyak dan pelbagai. Menurut buku panduan Bagi Ibu Bapa Mengenai Disiplin Pelajar-pelajar Sekolah (DPM, 1982) salah laku ini dapat dibahagikan kepada 5 kumplan yang besar iaitu:

1. TINGKAH LAKU JENAYAH

- A. Mendera dan mencederakan.
- B. Bertindak ganas dan mencederakan.
- C. Memeras ugut.
- D. Bergaduh.
- E. Mencuri.
- F. Menipu atau memperdayakan.
- G. Menimbulkan kegelisahan dikalangan pelajar.
- H. Menyalahgunakan dadah.

- I. Khalwat.
- J. Segala perbuatan jenayah mengikut Undang-undang Negara.
- K. Menyertai kumpulan kongsi gelap.

2. TINGKAHLAKU LUCAH

- A. Mencarut.
- B. Berdua-duaan.
- C. Becumbu-cumbuan.
- D. Melihat / membaca bahan lucah.
- E. Melukis / menulis bahan lucah.
- F. Menyimpan / meminjamkan bahan lucah.
- G. Besubahat dalam perbuatan sumbang.
- H. Berpakaian tidak senonoh.

3. TINGKAHLAKU ANTI-SOSIAL

- A. Tidak mahu bergaul.
- B. Merosakkan hartabenda individu / madrasah.
- C. Membuat bising.
- D. Menjerit-jerit tidak tentu pasal.
- E. Mengganggu orang lain.
- F. Menulis dan menconteng bangunan.
- G. Membuang sampah merata-rata.
- H. Mendendam / hasat dengki / cemburu.
- I. Memaki hamun.
- J. Sombong, bongkak dan biadap.

4. TINGKAHLAKU TIDAK JUJUR.

- A. Meniru dalam ujian dan peperiksaan.
- B. Meniru tandatangan orang lain.
- C. Bercakap bohong.
- D. Mengubah markah yang dicatat oleh guru.
- E. Ponteng madrasah atau aktiviti madrasah.
- F. Menganiaya sesama rakan.
- G. Tidak amanah.
- H. Mengampu.
- I. Memperdayakan ibu bapa dan orang lain.
- J. Mengambil barang orang lain tanpa izin.
- K. Melakukan kerja tanpa kesungguhan dan tanggungjawab.
- L. Berdolak-dalik.
- M. Membuat kerja tanpa keikhlasan diri.

5. TINGKAHLAKU TIDAK SOPAN

- A. Berbahasa kasar.
- B. Tidak menghormati guru.
- C. Menghisap rokok.
- D. Berambut panjang.
- E. Tidak memberi perhatian semasa guru mengajar.
- F. Lalai dan cuai terhadap pelajaran.
- G. Mempermain / memperlekehkan guru.
- H. Selalu lewat.
- I. Suka bertengkar.
- J. Pakaian tidak sesuai.

22 I'QAB (HUKUMAN)

Bagi Kesalahan Kecil

- 1) Nasihat.
- 2) Nasihat agar tidak mengulangi kesalahan.
- 3) Mengaji waktu rehat (lancarkan) dan pastikan dihantar.
- 4) Solat sunat 4 raka'at (dipantau).
- 5) Mengaji waktu cuti hujung minggu.
- 6) Cukur rambut.
- 7) Berdiri sehingga dibenarkan duduk.
- 8) Tulis jawi 30 ayat dan rumi 30 ayat.
- 9) Khidmat Madrasah.
- 10) Minta maaf kepada yang berkenaan.
- 11) Pulangkan / ganti rugi.
- 12) Puasa 1 hari / 2 rotan.
- 13) Rampas barang larangan.

Bagi Kesalahan Sederhana

- 1) Bincang masalah dengan ibu bapa.
- 2) Puasa sehari dan tidak boleh balik rumah.
- 3) Solat taubat 4 raka'at / 2 rotan.

Bagi Kesalahan Berat

- 1) Bincang masalah dengan ibu bapa.
- 2) Gantung sesi persekolahan.
- 3) Dibuang madrasah.

*** TAMAT ***



PENGAKUAN SETIA PELAJAR

Bahawasanya saya

..... pelajar
Madrasah Tahfiz Al-Quran Darul Uloom Islamiah telah membaca dan memahami segala peraturan madrasah ini. Dengan ini saya mengaku akan mematuhi peraturan-peraturan madrasah dan bersedia menerima tindakan yang akan dikenakan oleh pihak madrasah jika saya melanggar peraturan-peraturan tersebut.

Tandatangan pelajar,

.....
()

PENGAKUAN IBU BAPA / PENJAGA

Bahawasanya saya ibu bapa / penjaga
pelajar yang bernama yang belajar di
Madrasah Tahfiz Al-Quran Darul Uloom telah membaca dan memahami segala peraturan madrasah ini. Saya sedia bekerjasama dengan pihak madrasah untuk menentukan supaya anak jagaan saya mematuhi peraturan-peraturan tersebut.

Tandatangan ibu bapa / penjaga

.....
()